

9557 T

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEWANGAN BERKANUN

PADA 30 JUN 2007

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Laporan Para Pengarah	1 - 12
Penyata Para Pengarah	13
Akuan Berkanun	13
Laporan Juruaudit	14
Lembaran Imbangan	15 - 16
Penyata Perubahan dalam Ekuiti	17
Penyata Pendapatan	18
Akaun Perolehan Dana Insurans Am	19
Lembaran Imbangan Dana Insurans Hayat	20
Akaun Perolehan Dana Insurans Hayat	21
Penyata Aliran Tunai	22 - 23
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	24 - 91

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacita membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2007.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pengunderaitan insurans hayat dan kesemua kelas perniagaan insurans am.

Tiada sebarang perubahan nyata terhadap kegiatan utama Syarikat sepanjang tahun kewangan.

SYARIKAT INDUK

Syarikat induk kepada Syarikat adalah Mayban Fortis Holdings Berhad ("MFHB"). Syarikat induk sebelumnya adalah MNI Holdings Berhad. Kedua-dua syarikat telah diperbadankan di Malaysia.

KEPUTUSAN

	RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	<u>103,961</u>

Tiada sebarang pemindahan nyata kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan semasa selain daripada yang telah dibentangkan dalam penyata perubahan dalam ekuiti.

Para Pengarah berpendapat bahawa hasil kendalian Syarikat di sepanjang tahun kewangan tidak dipengaruhi dengan ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat ketara dan luar biasa, selain daripada pelarasan tahun terdahulu yang timbul daripada perubahan di dalam polisi-polisi perakaunan ("FRS") seperti yang dinyatakan di dalam Nota 2.3 kepada penyata kewangan.

DIVIDEN

Tiada dividen dibayar atau dikemukakan sejak akhir tahun kewangan sebelumnya.

Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang pembayaran dividen akhir bagi tahun kewangan semasa.

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang telah memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir dan pada masa laporan ini dibentangkan adalah seperti berikut:

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	
Datuk Amirsham bin A. Aziz	
Dato' Haji Aminuddin bin Md Desa	
Datuk Haji Abdul Rahman bin Mohd Ramli	
Damis Jacobus Ziengs	(dilantik pada 14 Jun 2007)
Hans J. J. De Cuyper	(dilantik pada 2 Julai 2007)
Kenji Kojima	(meletak jawatan pada 24 November 2006)
Filip Andre Lodewijck Coremans	(meletak jawatan pada 15 Februari 2007)
Hugo Philip van Vledder	(meletak jawatan pada 2 Julai 2007)

URUSTADBIR KORPORAT

Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan pelaksanaan urustadbir korporat pada taraf yang tertinggi. Ini adalah sebahagian asas pelaksanaan tanggungjawab mereka bagi memelihara dan mempertingkatkan nilai pemegang kepentingan dan prestasi kewangan Syarikat.

(a) Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Dalam melaksanakan tugas, Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab mematuhi Akta Insurans ("Akta") dan Peraturan, 1996 dan Garispanduan Bank Negara Malaysia ("BNM"), termasuk JPI/GPI 1: Tugas dan Tanggungjawab Para Pengarah dan Ketua Eksekutif Penanggung Insurans dan garis panduan lain. Mereka juga harus mematuhi rukun asas urustadbir korporat dengan mengamalkan praktis terbaik seperti yang telah dinyatakan dalam JPI/GPI 25: Rangka Hemat Urustadbir Korporat bagi Syarikat Insurans. Selain daripada tanggungjawab berkanun, Lembaga Pengarah juga meluluskan keputusan-keputusan utama Syarikat berkaitan dengan pelaburan, pelupusan dan pembiayaan. Mereka memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai bagi mengurus risiko, mengkaji dan meluluskan strategi dan objektif kewangan bagi pelaksanaan pihak pengurusan. Tugas-tugas ini dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah secara langsung dan/atau melalui pelbagai jawatankuasa.

URUSTADBIR KORPORAT (SAMB.)

(a) Tanggungjawab Lembaga Pengarah (samb.)

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja dan polisi operasi Syarikat dan pihak pengurusan pula bertanggungjawab melaksanakannya. Pengasingan tugas ini memperkukuhkan lagi peranan penyeliaan dan pengawasan yang dipegang oleh Lembaga Pengarah.

Oleh itu, Syarikat mempunyai struktur organisasi yang jelas menunjukkan semua saluran pelaporan di samping dokumentasi huraian bidang kerja bagi semua kakitangan pengurusan dan eksekutif, dan penilaian prestasi yang formal dilaksanakan setiap tahun.

Para pengarah, dengan latarbelakang dan pengalaman yang berbeza-beza, apabila digabungkan membawa kemahiran dan pengetahuan khusus yang meluas, yang diperlukan untuk pengurusan Syarikat

Sepanjang tahun kewangan, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 7 kali dan kehadiran para pengarah adalah seperti berikut:

		Mesyuarat Lembaga Pengarah	
		Kehadiran	%
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor (Pengerusi)		7/7	100
Datuk Haji Abdul Rahman bin Mohd Ramli		7/7	100
Datuk Amirsham A. Aziz		6/7	86
Dato' Haji Aminuddin Md Desa		7/7	100
Damis Jacobus Ziengs	(dilantik pada 14 Jun 2007)	-	-
Hans J. J. De Cuyper	(dilantik pada 2 Julai 2007)	-	-
Kenji Kojima	(meletak jawatan pada 24 November 2006)	4/4	100
Filip Andre Lodewijck Coremans	(meletak jawatan pada 15 Februari 2007)	5/5	100
Hugo Philip van Vledder	(meletak jawatan pada 2 Julai 2007)	7/7	100

(b) Kebertanggungjawaban Pengurusan

Sementara Lembaga Pengarah bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja dan polisi operasi Syarikat, pihak pengurusan pula bertanggungjawab dalam pelaksanaan polisi tersebut dan pencapaian objektif korporat Syarikat.

(c) Kebebasan Korporat

Semua urusan ketara dengan pihak yang berkaitan telah dinyatakan dalam Nota 29 penyata kewangan.

URUSTADBIR KORPORAT (SAMB.)**(d) Kawalan Dalam dan Audit**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan ke atas kawalan dalaman Syarikat dan keberkesanannya. Lembaga Pengarah mengenalpasti bahawa risiko tidak boleh disingkirkan sepenuhnya, oleh itu, sistem dan proses tertentu dilaksanakan bertujuan bagi mengurangkan dan mengurus risiko tersebut. Syarikat juga telah melaksanakan kawalan dalaman yang merangkumi semua lapisan kakitangan dan proses perniagaan untuk memastikan operasi Syarikat berjalan dengan berkesan dan cekap dan juga menjaga aset-aset Syarikat dan kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan. Penilaian berterusan ke atas keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman, yang merangkumi pemeriksaan bebas ke atas kawalan oleh fungsi audit dalaman, demi memastikan tindakan pembetulan di mana perlu, diambil dengan segera.

Laporan audit dalaman akan dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Audit ("AC") yang terawal dijadualkan selepas tarikh penerimaan laporan tersebut. Fungsi audit dalaman melapor kepada Lembaga Pengarah menerusi AC, dan keputusan dan syor-syor akan disampaikan ke pihak pengurusan kanan dan kesemua peringkat kakitangan yang berkenaan. AC telah ditubuhkan pada peringkat syarikat induk.

Komposisi AC di tahap MFHB adalah seperti berikut:

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhd Ali (Pengerusi)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Damis Jacobus Ziengs
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Sulaiman bin Salleh
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Haji Abdul Rahman bin Mohd Ramli
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Dr Syed Othman bin Syed Hussin Alhabshi
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

AC telah telah bermesyuarat sebanyak 5 kali sepanjang tahun.

URUSTADBIR KORPORAT (SAMB.)

(e) Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan dalam penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC"). Objektif utama RMC adalah untuk menyelia aktiviti pihak pengurusan kanan dalam mengurus risiko-risiko utama Syarikat dan memastikan proses pengurusan risiko dilaksanakan dan berfungsi secara berkesan.

Syarikat telah menubuhkan RMC pada peringkat syarikat induk. Dalam melaksanakan tugasnya, RMC dibantu oleh Jawatankuasa Pelaburan pihak Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Aset-Liabiliti ("ALCO") pihak pengurusan.

Rangka kerja pengurusan risiko bagi Syarikat terdiri daripada tiga komponen penting, iaitu perangkaan dasar, penyeliaan dan kawalan, serta penerimaan risiko, sementara pendekatan pengurusan risiko adalah berasaskan tiga peringkat pertahanan iaitu unit pengambilan risiko, kawalan dan kordinasi risiko dan audit dalaman. Risiko pula telah diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, yang terdiri daripada risiko insurans, risiko kewangan (termasuk risiko pasaran, risiko kredit dan risiko lembaranimbangan) serta risiko operasi.

Terdapat proses yang berterusan bagi mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ia dicapai melalui fungsi-fungsi pengurusan yang telah ditetapkan dan kawalan dalaman, yang merangkumi pengujuduan had-had risiko operasi bagi kesemua aktiviti-aktiviti teras.

Komposisi RMC pada tahap MFHB adalah seperti berikut:

Tan Sri Mohamed Basir bin Ahmad (Pengerusi) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	(meletak jawatan pada 28 Julai 2006)
---	--------------------------------------

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor (Pengerusi) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	(dilantik sebagai Pengerusi pada 28 Julai 2006)
--	--

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhd Ali
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Petrus Bernadus Gerardus van Harten
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Haji Abdul Rahman bin Mohd Ramli
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

RMC telah bermesyuarat sebanyak 4 kali sepanjang tahun.

URUSTADBIR KORPORAT (SAMB.)

(f) Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran.

Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran. Syarikat akan terus menggunakan khidmat Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan syarikat induk muktamad, Kumpulan Malayan Banking Berhad ("MBB") sebagai sebahagian daripada struktur urustadbir Syarikat.

Objektif utama Jawatankuasa Pencalonan adalah untuk mewujudkan prosedur yang didokumentasikan, formal dan nyata bagi perlantikan para pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menilai keberkesanan para pengarah, Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan lain-lain jawatankuasa Lembaga Pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama.

Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan pula bertanggungjawab menyediakan prosedur formal yang jelas bagi mengasaskan polisi ganjaran bagi para pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama dan memastikan ganjaran mereka adalah berdaya saing dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.

Pada tahap MBB, Jawatankuasa Ganjaran dikenali sebagai Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan ("REC")

Komposisi Jawatankuasa Pencalonan pada tahap MBB adalah seperti berikut:

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhd Ali (Pengerusi)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Mohammad bin Abdullah
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Haji Mohd Hashir bin Abdullah
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Hj Abdul Rahman bin Mohd Raml
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Meg
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jawatankuasa Pencalonan telah bermesyuarat sebanyak 7 kali sepanjang tahun.

URUSTADBIR KORPORAT (SAMB.)

(f) Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran. (samb.)

Komposisi Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan (“REC”) pada tahap MBB adalah seperti berikut:

Mohammad bin Abdullah (Pengerusi)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhd Ali
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Hj Abdul Rahman bin Mohd Ramli
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Teh Soon Poh
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan (“REC”) telah bermesyuarat sebanyak 6 kali sepanjang tahun

(g) Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan telah ditubuhkan di syarikat subsidiari bersamanya iaitu Mayban Life Assurance Berhad. Namun begitu, keahliannya, tugas dan tanggungjawabnya bukan setakat Mayban Life Assurance Berhad dan merangkumi semua syarikat beroperasi di bawah Mayban Fortis Holdings Berhad yang terdiri daripada Mayban General Assurance Berhad, Mayaban Takaful Berhad, Malaysia National Insurance Berhad dan Takaful Nasional Sdn. Berhad.

Objektif utama Jawatankuasa Pelaburan adalah untuk memberikan pendapat ke atas polisi pelaburan strategik jangka masa panjang termasuk hartanah, sebagai saranan kepada Mesyuarat Pengurusan Risiko (“RMM”)/RMC/Lembaga Pengarah berasaskan nasihat ALCO, untuk melaksanakan polisi pelaburan taktikal berasaskan cadangan pengurus pelaburan dan dalam garis sempadan yang telah dinyatakan di Mandat Pengurusan Pelaburan (“IMM”), untuk menguji polisi yang telah dilaksanakan oleh pengurus pelaburan dan membezakannya dengan polisi pelaburan taktikal dan strategik/mandat pengurusan aset, untuk menilai dan meluluskan polisi operasi dilaksanakan oleh Pengurusan Pelaburan (“IM”) dan juga untuk menilai, merundingkan syarat dengan, melantik atau memecat pengurus dana luaran, pentadbir, bank dan pengantara kewangan lain.

URUSTADBIR KORPORAT (SAMB.)

(g) Jawatankuasa Pelaburan (samb.)

Jawatankuasa Pelaburan melapor kepada Lembaga Pengarah kesemua syarikat neroperasi di bawah Mayban Fortis Holdings Berhad.

Komposisi Jawatankuasa Pelaburan adalah seperti berikut:

Datuk Amirsham A. Aziz (Pengerusi)
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Sulaiman Salleh
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Haji Abdul Rahman Mohd. Ramli
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Dr. Syed Othman Al-Habshi
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Haji Aminuddin Md. Desa
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Hans J.J. De Cuyper
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Zainal Abidin Mohd. Noor
Pengurusan Kanan

Norlia Mat Yusof
Pengurusan Kanan

See Toong Chow (dilantik pada 13 November 2006)
Pengurusan Kanan

Haji Mohd Tarmidzi Ahmad Nordin (dilantik pada 7 Mac 2007)
Pengurusan Kanan

Filip Andre Lodewijck Coremans (meletak jawatan pada 14 Februari 2007)
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Jawatankuasa Pelaburan telah bermesyuarat sebanyak 4 kali sepanjang tahun.

URUSTADBIR KORPORAT (SAMB.)

(h) Kebertanggungjawaban Awam

Sebagai pentadbir dana awam, urusan Syarikat dengan orang awam sentiasa dilaksanakan secara adil, jujur dan profesional.

(i) Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab membentangkan penilaian yang seimbang dan komprehensif berkaitan dengan operasi dan prospek Syarikat pada setiap kali penyata kewangan tahunan diterbitkan untuk pemegang saham. AC pula membantu meneliti maklumat yang dibentangkan bagi memastikan ketepatan, kesesuaian dan kesempurnaannya.

MANFAAT PARA PENGARAH

Pada penghujung tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, tidak wujud sebarang pengaturan oleh Syarikat yang membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat, kecuali opsyen saham yang akan diberikan melalui Skim Opsyen Saham Kakitangan Kumpulan Maybank (“ESOS”) syarikat induk muktamad.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang disertakan dalam jumlah agregat daripada emolumen diterima atau dibayar dan barbayar kepada para pengarah, atau gaji tetap kakitangan penuh masa Syarikat sepertimana dinyatakan di Nota 22 dalam penyata kewangan) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat perbadanan berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ianya adalah ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata, melainkan yang dinyatakan di Nota 29 dalam penyata kewangan berkanun.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Berdasarkan daftar pemegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham Syarikat; dan saham serta saham di bawah opsiyen dalam syarikat atau perbadanan berkaitan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1 setiap satu			
	1 Julai 2006	Dilaksanakan ESOS	Dijual	30 Jun 2007
Syarikat induk muktamad: Malayan Banking Berhad				
Kepentingan langsung				
Datuk Amirsham A. Aziz	481,000	100,000	-	581,000
Datuk Haji Abdul Rahman bin Mohd Ramli	13,200	138,200	115,200	36,200
Kepentingan tidak langsung				
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	10,000	-	-	10,000

	Bilangan opsiyen untuk saham biasa RM1 setiap satu				
	Harga Opsiyen RM	Tarikh ESOS	Diberikan	Dilaksanakan	30 Jun 2007
Syarikat induk muktamad: Malayan Banking Berhad					
Datuk Haji Abdul Rahman bin Mohd Ramli	9.23	01.09.2004	82,000	82,000	-
	9.92	14.11.2005	62,500	37,500	25,000
	10.19	14.11.2006	62,500	18,700	43,800
Datuk Amirsham A. Aziz	9.23	01.09.2004	430,000	100,000	330,000
	9.87	15.10.2004	120,000	-	120,000
	9.92	14.11.2005	120,000	-	120,000
	10.19	14.11.2006	120,000	-	120,000

Opsiyen ke atas saham biasa telah diberikan menurut Skim Opsiyen Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESOS") yang tertakluk kepada Undang-undang Kecil yang merangkumi terbitan dan pelupusannya pada 25 Ogos 2009.

Selain daripada yang dinyatakan, tiada pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham Syarikat atau syarikat-syarikat perbadanan berkaitannya di sepanjang tahun kewangan.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum lembaran imbangan dan penyata pendapatan Syarikat telah dinyatakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah:
 - (i) untuk memastikan tindakan yang betul telah diambil berkenaan hapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan untuk hutang ragu dan para pengarah puas dengan keputusan mereka kerana segala hutang lapuk yang diketahui telahpun dihapus kira dan peruntukan yang sewajarnya telah dibuat untuk hutang ragu;
 - (ii) untuk memastikan sebarang aset semasa yang tidak pasti akan menepati nilainya sepertimana yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan dalam urusan perniagaan harian telah diturunkan nilainya kepada -jumlah yang mungkin dapat direalisasikan; dan
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan sebarang sebarang keadaan yang mungkin mengakibatkan:
 - (i) jumlah untuk hapus kira hutang lapuk atau peruntukan untuk hutang ragu dinyatakan dalam penyata -kewangan Syarikat tidak memadai keperluan;
 - (ii) nilai aset semasa dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat tidak tidak tepat.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan sebarang sebarang keadaan yang mungkin timbul sejurusnya mengakibatkan keadah penilaian terkini aset semasa atau liabiliti Syarikat salah atau tidak tepat.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan sebarang sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang mengakibatkan jumlah dibentangkan dalam penyata kewangan tidak tepat.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tiada kewujudan:
 - (i) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang melindungi liabiliti sebarang orang; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangkaan yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB.)

(f) Pada pendapat para pengarah:

- (i) tiada liabiliti luar jangkaan atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau mungkin dikuatkuasakan dalam masa dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan menjejaskan atau mungkin menjejaskan kebolehan Syarikat memenuhi obligasinya apabila perlu;
- (ii) tiada sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat ketara dan luar biasa yang timbul semasa akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini dibuat yang mungkin mempengaruhi secara ketara keputusan operasi Syarikat untuk tahun kewangan semasa laporan ini dibuat.

Untuk tujuan perenggan (e) dan (f), luar jangkaan atau lain-lain liabiliti tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak pengunderaitan insurans yang dibuat dalam perniagaan harian biasa Syarikat.

(g) Sebelum lembaran imbalan dan penyata pendapatan Syarikat telah dinyatakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan peruntukan secukupnya untuk kerugian tuntutan termasuk tuntutan Kerugian Tetapi Tidak Dilaporkan ("IBNR").

PERISTIWA PENTING

Butiran peristiwa penting dinyatakan dalam Nota 6(i) di penyata kewangan.

PERISTIWA PENTING SETERUSNYA

Butiran peristiwa penting seterusnya dinyatakan dalam Nota 31 di penyata kewangan.

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula sebagai juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 9 Ogos 2007.

Megat Zaharuddin bin Megat
Mohd Nor

Aminuddin bin Md Desa

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PARA PENGARAH MENURUT
PERUNTUKAN SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor dan Aminuddin bin Md Desa, selaku dua daripada para pengarah Malaysia National Insurance Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 15 hingga 91 telah disediakan menurut Piawaian Perakaunan MASB berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 bagi memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 30 Jun 2007 dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 9 Ogos 2007.

Megat Zaharuddin bin Megat
Mohd Nor

Aminuddin bin Md Desa

AKUAN BERKANUN
MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, Zainal Abidin Mohd Noor, selaku pegawai yang bertanggungjawab terutamanya ke atas pengurusan kewangan Malaysia National Insurance Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 15 hingga 91, pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh
Zainal Abidin Mohd Noor yang tersebut di
atas di Kuala Lumpur dalam Wilayah
Persekutuan pada 9 Ogos 2007.

Zainal Abidin bin Mohd Noor

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

9557 T

**LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI
MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 15 hingga 91. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat.

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat, berdasarkan audit kami, mengenai penyata kewangan ini dan untuk melaporkan kepada anda, sebagai satu badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan kepastian munasabah tentang samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang matan. Sesuatu audit meliputi pemeriksaan, berdasarkan ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan berkenaan. Sesuatu audit juga meliputi penaksiran terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian terhadap pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami memberi asas munasabah untuk pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan yang berkenaan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai:
 - (i) kedudukan kewangan Syarikat pada 30 Jun 2007 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - (ii) perkara-perkara yang diperlukan menurut Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk diambilkira dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang diperlukan menurut Akta tersebut untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Berkanun

Gloria Goh Ewe Gim
No. 1685/04/09(J)
Rakankongsi

Kuala Lumpur, Malaysia
9 Ogos 2007

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 30 JUN 2007

	Nota	2007 RM'000	2006 RM'000
ASET			
Aset Dana Insurans Am dan Pemegang Saham			
Hartanah, peralatan dan kelengkapan	3(a)	31,623	36,389
Hartanah pelaburan	4(a)	1,700	618
Aset tak ketara	5	301	397
Syarikat-syarikat subsidiari	6	171,125	171,125
Terhutang daripada syarikat-syarikat berkaitan	7	2,377	378
Pelaburan	8(a)	1,064,185	1,102,296
Pinjaman	9(a)	52,918	31,308
Aset cukai tertunda	10	20,414	15,193
Penghutang dagangan dan penghutang lain	11(a)	324,534	231,044
Cukai berbayar		87,288	116,933
Wang tunai dan baki di bank	12	50,407	61,729
		<u>1,806,872</u>	<u>1,767,410</u>
Aset Dana Insurans Hayat	ms 20	4,309,450	4,066,735
		<u>6,116,322</u>	<u>5,834,145</u>
JUMLAH ASET			
EKUITI, DANA INSURANS DAN LIABILITI			
Ekuiti diberikan kepada pemegang ekuiti Syarikat			
Modal Saham	13	152,151	152,151
Rizab		938,310	833,386
Jumlah Ekuiti		<u>1,090,461</u>	<u>985,537</u>
Dana Insurans			
Rizab premium belum diperolehi	14	160,060	167,199
Dana Pemegang Polisi Insurans Hayat	15	4,073,629	3,868,872
Rizab Penilaian Semula Aset Insurans Hayat	16	-	1,825
Jumlah dana insurans		<u>4,233,689</u>	<u>4,037,896</u>

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LEMBARAN IMBANGAN PADA 30 JUN 2007 (samb.)

	Nota	2007 RM'000	2006 RM'000
Liabiliti			
Peruntukan untuk tuntutan yang belum dibayar	17(a)	231,808	231,166
Dihutang kepada syarikat-syarikat berkaitan	7	18,625	17,098
Pemiutang dagangan dan pemiutang lain	18(a)	300,944	296,986
Cukai berbayar		4,974	69,424
		<u>556,351</u>	<u>614,674</u>
Liabiliti Dana Insurans Hayat	ms 20	<u>235,821</u>	<u>196,038</u>
Jumlah Liabiliti		<u>792,172</u>	<u>810,712</u>
JUMLAH EKUITI, DANA INSURANS DAN LIABILITI		<u>6,116,322</u>	<u>5,834,145</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2007

	Modal Saham RM'000	Tidak Boleh Diagihkna Saham Premium RM'000	Boleh Diagihkna Perolehan Terkumpul RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
Pada 1 April 2006	152,151	17,728	745,960	915,839
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	-	-	69,698	69,698
Pada 30 Jun 2006	<u>152,151</u>	<u>17,728</u>	<u>815,658</u>	<u>985,537</u>
Pada 1 Julai 2006				
Seperti dilaporkan dahulu	152,151	17,728	815,658	985,537
Perubahan polisi perakaunan FRS140	-	-	963	963
Pada 1 Julai 2006 (dinyatakan semula)	<u>152,151</u>	<u>17,728</u>	<u>816,621</u>	<u>986,500</u>
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	-	-	103,961	103,961
Pada 30 Jun 2007	<u>152,151</u>	<u>17,728</u>	<u>920,582</u>	<u>1,090,461</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR PADA 30 JUN 2007

	Nota	1.7.06 hingga 30.6.07 RM'000	1.4.05 hingga 30.6.06 RM'000
Pendapatan Operasi	19	<u>1,160,257</u>	<u>1,537,137</u>
Dana Pemegang Saham:			
Pendapatan Pelaburan	20(a)	14,522	29,263
Pendapatan/(perbelanjaan) operasi lain - bersih	21(a)	22,872	(878)
Perbelanjaan pengurusan	22(a)	<u>(1,690)</u>	<u>(3,310)</u>
		35,704	25,075
Lebihan dipindahkan dari akaun perolehan:			
- Perniagaan insurans am	ms 19	37,655	63,045
- Perniagaan insurans hayat	ms 21	<u>38,000</u>	<u>40,000</u>
Keuntungan sebelum cukai		111,359	128,120
Cukai	23(a)	<u>(7,398)</u>	<u>(58,422)</u>
Keuntungan bersih bagi tahun/jangkamasa		<u>103,961</u>	<u>69,698</u>
Perolehan sesaham (sen)	24	<u>68</u>	<u>46</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Incorporated in Malaysia)

AKAUN PEROLEHAN INSURANS AM
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2007

	Nota	Kebakaran		Motor		Marin, udara dan transit		Pelbagai		Jumlah	
		1.7.06 hingga 30.6.07 RM'000	1.4.05 hingga 30.6.06 RM'000	1.7.06 hingga 30.6.07 RM'000	1.4.05 hingga 30.6.06 RM'000	1.7.06 hingga 30.6.07 RM'000	1.4.05 hingga 30.6.06 RM'000	1.7.06 hingga 30.6.07 RM'000	1.4.05 hingga 30.6.06 RM'000	1.7.06 hingga 30.6.07 RM'000	1.4.05 hingga 30.6.06 RM'000
Pendapatan Operasi	19									1,160,257	1,537,137
Premium Kasar	19	60,687	78,562	120,748	158,882	116,902	171,669	301,230	308,421	599,567	717,534
Insurans semula		(39,586)	(54,980)	(6,216)	(8,830)	(104,064)	(152,816)	(255,238)	(254,528)	(405,104)	(471,154)
Premium bersih		21,101	23,582	114,532	150,052	12,838	18,853	45,992	53,893	194,463	246,380
Tambahan/(kurangan) dalam rizab premium belum diperolehi	14	5,957	10,587	2,349	(2,188)	1,378	(1,497)	(2,545)	(16,987)	7,139	(10,085)
Premium diperolehi		27,058	34,169	116,881	147,864	14,216	17,356	43,447	36,906	201,602	236,295
Tuntutan bersih dikira	25	(9,959)	(12,504)	(77,197)	(96,133)	(3,400)	(3,037)	(30,528)	(33,174)	(121,084)	(144,848)
Komisen bersih		(1,278)	3,977	(10,091)	(12,780)	172	287	276	1,700	(10,921)	(6,816)
Lebihan pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan		15,821	25,642	29,593	38,951	10,988	14,606	13,195	5,432	69,597	84,631
Perbelanjaan pengurusan (Defisit)/lebihan pengunderaitan	22(b)									(73,571)	(77,948)
Pendapatan pelaburan	20(b)									34,579	46,271
Pendapatan operasi lain - bersih	21(b)									7,050	10,091
Lebihan dipindahkan ke Penyata Pendapatan (ms 18)										37,655	63,045

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Incorporated in Malaysia)

LEMBARAN IMBANGAN DANA INSURANS HAYAT
PADA 30 JUN 2007

	Nota	2007 RM'000	2006 RM'000
ASET			
Hartanah, peralatan and kelengkapan	3(b)	9,077	6,482
Hartanah pelaburan	4(b)	372,400	264,111
Aset tak ketara	5	2,579	1,817
Pelaburan	8(b)(i)	3,463,036	3,418,039
Pinjaman	9(b)	290,685	190,217
Aset cukai tertunda	10	-	2,987
Penghutang dagangan dan penghutang lain	11(b)	130,171	67,116
Wang tunai dan baki di bank	12	26,675	48,018
Cukai boleh diperolehi		14,827	18,290
Aset dana pelaburan berkaitan	26	-	49,658
ASET DANA INSURANS HAYAT		<u>4,309,450</u>	<u>4,066,735</u>
LIABILITI			
Peruntukan untuk tuntutan yang belum dibayar	17(b)	11,301	8,287
Penghutang dagangan dan penghutang lain	18(b)	167,071	129,671
Cukai berbayar		48,837	56,683
Liabiliti cukai tertunda		8,612	-
Liabiliti dana pelaburan berkaitan	26	-	1,397
LIABILITI DANA INSURANS HAYAT		<u>235,821</u>	<u>196,038</u>
DANA PEMEGANG POLISI INSURANS HAYAT	15	4,073,629	3,868,872
RIZAB PENILAIAN SEMULA ASET			
INSURANS HAYAT	16	-	1,825
		<u>4,073,629</u>	<u>3,870,697</u>
JUMLAH LIABILITI DANA INSURANS			
HAYAT DAN PEMEGANG SAHAM		<u>4,309,450</u>	<u>4,066,735</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

AKAUN PEROLEHAN DANA INSURANS HAYAT
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2007

	Nota	1.7.06 hingga 30.6.07 RM'000	1.4.05 hingga 30.6.06 RM'000
Premium Kasar	19	307,163	498,017
Insurans semula		(2,801)	(8,518)
Premium bersih		<u>304,362</u>	<u>489,499</u>
Faedah dibayar and belum dibayar:			
Kematian		(85,090)	(100,167)
Kematangan		(61,546)	(67,526)
Serahan		(94,755)	(131,867)
Bonus tunai		(36,388)	(37,377)
Annuiti		(868)	(771)
Lain-lain		(52,559)	(4,305)
Perolehan dari insurans semula		<u>4,017</u>	<u>9,859</u>
		<u>(327,189)</u>	<u>(332,154)</u>
Premium bersih hinggalak faedah dibayar and belum dibayar:		(22,827)	157,345
Perbelanjaan agensi dan komisen		(34,731)	(57,240)
Perbelanjaan pengurusan	22(c)	<u>(43,598)</u>	<u>(46,984)</u>
		(101,156)	53,121
Pendapatan pelaburan	20(c)	204,426	243,897
Pendapatan operasi/(perbelanjaan) lain - bersih	21(c)	<u>167,759</u>	<u>(2,298)</u>
Lebihan sebelum cukai		271,029	294,720
Cukai	23(b)(i)	<u>(28,272)</u>	<u>(18,600)</u>
Lebihan selepas cukai		242,757	276,120
Lebihan selepas cukai dari Dana pelaburan berkaitan	26	<u>-</u>	<u>1,186</u>
		242,757	277,306
Dana pemegang polisi insurans hayat pada awal tahun kewangan/jangkamasa	15	3,868,872	3,631,566
Pindah ke Penyata Kewangan (Mukasurat 18)	15	<u>(38,000)</u>	<u>(40,000)</u>
Dana pemegang polisi insurans hayat pada akhir tahun kewangan/jangkamasa	15	<u>4,073,629</u>	<u>3,868,872</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2007

	1.7.06	1.4.05
	hingga	hingga
	30.6.07	30.6.06
	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN		
Keuntungan sebelum cukai	111,359	128,120
Pelarasan untuk:		
Susutnilai hartanah, peralatan dan kelengkapan	5,989	16,010
Pelunasan aset ketara	373	-
Pelarasan nilai saksama ke atas pelaburan hartanah	(90,794)	-
Pembalikan penilaian semula aset	(1,825)	-
Pertambahan diskaun bersih	(9,477)	(6,419)
Perolehan dari penjualan hartanah, peralatan dan kelengkapan (Kurangan)/tambahan dalam rizab premium tidak terperoleh	(3)	(7,615)
Kurangan dalam Dana Pemegang Polisi Hayat	(7,139)	10,085
Kurangan dalam Dana Pelaburan Berkaitan	204,755	237,306
Peruntukan (penilaian semula) hutang ragu	48,261	-
Baki kredit dihapus kira	1,479	(5,950)
Perolehan ke atas penjualan pelaburan	-	(3,329)
Pendapatan faedah	(66,191)	(32,667)
(Penilaian semula)/peruntukan penurunan nilai	(244,056)	(325,197)
Kerugian terjejas hartanah	(28,839)	24,837
(Penilaian semula)/peruntukan kerugian terjejas dalam pelaburan hartanah	1,121	-
(Kerugian)/keuntungan daripada operasi sebelum penukaran dalam mod Perubahan dalam modal kerja	(17,723)	8,331
	(92,710)	43,512
Pertambahan dalam perhutangan dagangan	(74,495)	(18,000)
Pertambahan dalam perhutangan lain-lain	(58,352)	(39,751)
Kurangan dalam cukai boleh diperolehi	33,109	-
Pertambahan dalam perhutangan pinjaman	(121,456)	(27,169)
(Pertambahan)/kurangan dalam jumlah perhutangan daripada syarik	(472)	17,472
(Kurangan)/pertambahan dalam lain-lain pemiutang	(34,085)	63,668
(Pertambahan)/kurangan dalam tuntutan tertunggak	3,655	(23,529)
Increase in trade payables	56,445	36,686
Kurangan dalam deposit tetap	113,007	70,292

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMB.)
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2007

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN

	1.7.06	1.4.05
	hingga	hingga
	30.6.07	30.6.06
	RM'000	RM'000
Perolehan dari penjualan pelaburan	756,132	507,812
Pembelian pelaburan	(777,078)	(712,441)
Pendapatan pelaburan diterima	239,010	316,846
Tunai terhasil dari aktiviti kendalian	<u>42,710</u>	<u>235,398</u>
Cukai dibayar	(69,928)	(123,012)
Tunai bersih (digunakan) terhasil dari aktiviti kendalian	<u>(27,218)</u>	<u>112,386</u>

AKTIVITI TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN

Pembelian saham subsidiari	-	(76,000)
Perolehan dari penjualan hartanah, peralatan dan kelengkapan	370	37,616
Pembelian hartanah, peralatan dan kelengkapan	(5,210)	(7,675)
Pembelian aset ketara	(1,039)	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	<u>(5,879)</u>	<u>(46,059)</u>

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN

Dividen dibayar	-	(23,005)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>-</u>	<u>(23,005)</u>

TAMBAHAN/(KURANGAN) BERSIH TUNAI DAN TUNAI SETARA

TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AWAL TAHUN KEWANGAN/JANGKAMASA	(33,097)	43,322
TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN/JANGKAMASA (NOTA 12)	<u>110,179</u>	<u>66,857</u>
	<u>77,082</u>	<u>110,179</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 30 JUN 2007

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat ini adalah syarikat awam liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat -berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Paras 19, Tower C, Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

Syarikat induk dan syarikat-syarikat induk utama Syarikat adalah Mayban Fortis Holdings Berhad ("MFHB") dan Malayan Banking Berhad ("MBB") secara masing-masing, keduanya telah diperbadankan di Malaysia. MBB adalah sebuah bank berlesen yang disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad.

Kegiatan utama Syarikat adalah pengunderaitan insurans hayat and kesemua kelas insurans am. Sepanjang tahun kewangan tiada sebarang perubahan ketara di dalam kegiatan Syarikat.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 9 Ogos 2007.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah, kecuali pelaburan hartanah yang telah dinilai menurut nilai saksamanya, dan mematuhi Piawaian Perakaunan MASB berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1996 dan Garis Panduan/Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Pada permulaan tahun kewangan, Syarikat telah menggunakan kaedah perakaunan terbaru Financial Reporting Standards atau "FRSs" dijelaskan sepenuhnya di Nota 2.3.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting

(a) Keputusan Pengunderaitan Insurans Am

Keputusan pengunderaitan insurans am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan, selepas mengambilkira insurans semula, rizab risiko belum tamat, komisen dan tuntutan kena dibayar.

(i) Pendapatan premium

Pendapatan premium diiktiraf di dalam tahun kewangan dengan andaian risiko yang ditanggung adalah di sepanjang tahun kewangan tersebut. Premium dari perniagaan langsung diiktiraf sepanjang tahun kewangan apabila nota debit diterbitkan. Premium di mana risiko berlaku tetapi nota debit belum diterbitkan pada tarikh lembaran imbalan diakru pada tarikh tersebut.

Premium insurans semula triti alir masuk diiktiraf pada dasar makluman berkala yang diterima -daripada syarikat insurans serahan.

Premium insurans semula luaran diiktiraf di dalam tempoh perakaunan yang sama dengan polisi asal yang mana insurans semula tersebut berkaitan.

(ii) Rizab risiko belum diperolehi ("UPR")

Risiko rizab belum tamat ("UPR") jangka pendek merupakan bahagian premium bersih polisi-polisi insurans bagi tempoh polisi yang belum luput pada akhir tahun kewangan. Bagi menentukan UPR pada tarikh -lembaran imbalan:

- Kaedah 25% bagi kargo marin, kargo udara dan perniagaan transit
- Kaedah 1/24 bagi kelas-kelas polisi Malaysia yang lain dikurangkan dengan peratus komisen langsung kasar yang diambilkira dan perbelanjaan agensi yang berkaitan yang tidak melebihi had-had yang ditetapkan oleh BNM seperti berikut:

Motor and bonds	10%
Kebakaran, kejuruteraan, udara dan kapal marin	15%
Perubatan dan kesihatan	
- Individu perseorangan	15%
- Kumpulan, sekurang-kurangnya 3 individu	10%
Pampasan pekerja dan liabiliti majikan	
- Pekerja asing	10%
- Lain-lain	25%
Kelas-kelas lain	25%

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(a) Keputusan Pengunderaitan Insurans Am (samb.)

(ii) Rizab risiko belum diperolehi ("UPR") (samb.)

- Kaedah 1/8 bagi semua kelas perniagaan triti insurans semula diterima dari luar negara dengan -pengurangan 20% bagi komisen
- Kaedah peruntukan masa berdasarkan tempoh risiko bagi polisi bukan tahunan

UPR jangka panjang mewakili bahagian premium bersih polisi insurans kebakaran Perbendaharaan Persekutuan jangka panjang dan polisi-polisi lain yang dikeluarkan, yang berkaitan dengan polisi yang belum luput tempoh pada akhir tahun kewangan. Pendapatan premium diiktiraf pada dasar pembahagian masa sepanjang tempoh polisi.

(iii) Peruntukan bagi tuntutan

Liabiliti bagi tuntutan belum dibayar diiktiraf bagi kedua-dua insurans langsung dan insurans semula -diterima. Jumlah tuntutan belum dibayar adalah berasaskan anggaran kos tuntutan terbaik berserta perbelanjaan berkaitan selepas ditolak perolehan pemulihan insurans semula bagi menjelaskan obligasi semasa pada tarikh lembaran imbalan.

Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan berserta perbelanjaan berkaitan, yang berlaku tetapi belum -dilaporkan ("IBNR") pada tarikh lembaran imbalan, berdasarkan penilaian aktuarial oleh ahli aktuari yang layak, menggunakan kaedah anggaran matematik berdasarkan corak perkembangan tuntutan sebenar.

(iv) Kos perolehan

Kos perolehan dan pembaharuan polisi insurans setelah ditolak pendapatan diterima daripada mengesid premium insurans semula, diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan sewajarnya dalam tempoh di mana pendapatan berkemungkinan akan diperolehi.

(b) Keputusan Pengunderaitan Insurans Hayat

Keuntungan yang boleh dipindahkan daripada Dana Insurans Hayat kepada penyata pendapatan adalah berdasarkan lebihan yang ditentukan oleh penilaian aktuarial tahunan liabiliti jangka panjang kepada pemegang polisi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(b) Keputusan Pengunderaitan Insurans Hayat (samb.)

(i) Pendapatan premium

Pendapatan premium termasuk premium yang diiktiraf di dalam Dana Insurans Hayat.

Pendapatan premium Dana Insurans Hayat diiktiraf sebaik sahaja amaun premium boleh diukur dengan sewajarnya. Premium pertama diiktiraf berlaku dan premium seterusnya diiktiraf apabila ia perlu dibayar.

Pada akhir tahun kewangan, kesemua premium terhutang adalah dikira sehingga ia boleh diukur dengan sewajarnya.

Premium insurans semula luaran diiktiraf di dalam tempoh perakaunan dengan polisi asal yang berkaitan dengan insurans semula tersebut.

Pembentukan unit bersih yang mewakili premium yang dibayar oleh pemegang polisi sebagai bayaran untuk kontrak baru atau bayaran sejurusnya untuk menambahkan jumlah nilai kontrak tersebut dinyatakan dalam penyata pendapatan perniagaan berkaitan pelaburan. Pembentukan unit bersih diiktiraf berdasarkan penerimaan.

(ii) Peruntukan bagi tuntutan

Kos tuntutan dan penyelesaian yang berlaku pada sepanjang tahun kewangan diiktiraf apabila terjadinya peristiwa yang boleh menyebabkan tuntutan dan/atau penanggung insurans diberitahu.

Jumlah perolehan daripada tuntutan insurans semula dikira di dalam tahun kewangan yang sama dengan tuntutan asal yang diiktiraf.

Tuntutan dan peruntukan untuk tuntutan polisi insurans hayat, termasuk kos penyelesaian, dikira mengikut kaedah asal kes dan untuk tujuan ini, faedah dibayar untuk polisi insurans hayat diiktiraf seperti berikut:

- kematangan atau faedah polisi lain di mana bayaran perlu dibuat pada tarikh tertentu dianggap sebagai tuntutan belum dibayar pada tarikh tersebut;
- kematian, serahan dan faedah lain tanpa tarikh pembayaran tetap dianggap sebagai tuntutan belum dibayar, pada tarikh pemberitahuan kematian orang yang diinsurankan atau berlakunya perkara luarjangka yang dilindungi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(b) Keputusan Pengunderaitan Insurans Hayat (samb.)

(iii) Perbelanjaan Agensi dan Komisen

Pendapatan diambilkira apabila manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusanniaga itu berkemungkinan mengalir ke dalam perniagaan dan jumlah pendapatan boleh diukur dengan pastinya. Sebelum pendapatan diiktiraf, keperluan khusus berikut haruslah dipenuhi:

(c) Pengiktirafan lain-lain pendapatan

Pendapatan diambilkira apabila manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusanniaga itu berkemungkinan mengalir ke dalam perniagaan dan jumlah pendapatan boleh diukur dengan pastinya. Sebelum pendapatan diiktiraf, keperluan khusus berikut haruslah dipenuhi:

(i) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kadar masa yang menggambarkan pulangan efektif ke atas aset kecuali faedah ke atas pinjaman yang dikenalpasti sebagai tidak berbayar, iaitu pembayaran balik tertunggak melebihi tiga bulan, yang mana, pengiktirafan faedah digantung dan pelarasan retrospektif dibuat dari tarikh permulaan kemungkiran berlaku. Setelah itu, faedah akan diiktiraf pada dasar penerimaan sehingga kesemua tunggakan telah dibayar.

(ii) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf atas dasar pengisytiharan apabila hak untuk menerima bayaran telah ditentukan.

(iii) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf berasaskan akrual seperti yang ditetapkan dalam syarat-syarat perjanjian berkenaan kecuali apabila sewa yang tidak berbayar melebihi tempoh enam bulan, yang mana pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Setelah itu, pendapatan sewa akan diiktiraf berdasarkan penerimaan sehingga kesemua tunggakan telah dibayar.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(d) Manfaat pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial ("SOCSO") adalah diambilkira sebagai perbelanjaan dalam tahun dimana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja syarikat. Ketidakhadiran diganti terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diambilkira apabila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja menyebabkan peningkatan hak mereka kepada baki diganti dimasa hadapan, dan ketidakhadiran diganti tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit adalah diambilkira apabila -ketidakhadiran itu berlaku.

(ii) Pelan caruman ditakrifkan

Pelan caruman ditakrifkan adalah pelan manfaat pekerja selepas persaraan di mana Syarikat membayar caruman tetap dalam dana asing dan tiada obligasi perundangan atau konstruktif untuk membayar selebihnya sekiranya dana-dana tersebut tidak mempunyai jumlah mencukupi untuk membayar segala manfaat pekerja berkaitan kepada perkhidmatan pekerja pada tahun semasa atau sebelumnya. Caruman-caruman tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan/akaun hasil apabila ia berlaku. Atas tuntutan undang-undang, Syarikat membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("EPF")

(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Segala hartanah, loji dan kelengkapan pada mulanya dinyatakan pada kos. Kos berikutnya dimasukkan dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, di mana patut, hanya bila kemungkinan adanya faedah ekonomi masa depan untuk Syarikat dan kos perkara tersebut boleh diukur secara berkesan. Jumlah dibawa alat yang diganti akan tidak lagi diiktiraf. Segala pembaikan dan penyenggaraan akan diambilkira dalam penyata pendapatan tahun kewangan semasa.

Sejurus pengiktirafan pada mulanya, hartanah, loji dan kelengkapan kecuali tanah dan bangunan tertentu, dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian terjejas terkumpul.

Tanah bebasmilik mempunyai penggunaan tidak terbatas dan justeru tidak disusut nilai.

Kerja-kerja berterusan juga tidak disusut nilai kerana aset-aset ini belum lagi sedia untuk digunakan. Tanah pegangan pajak disusut nilai berdasarkan tempoh pajakan masing-masing. Bangunan di atas tanah pegangan pajak disusut nilai berdasarkan tempoh 50 tahun atau tempoh pajakan masing-masing, yang mana lebih pendek.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai (samb.)

Susut nilai bagi hartanah, loji dan peralatan yang lain diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus yang dikira untuk melupuskan kos setiap aset kepada nilai sisanya berdasarkan anggaran hayat penggunaannya pada kadar tahunan berikut:

Bangunan atas tanah bebasmilik	2%
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	10% - 20%
Peralatan komputer	20% - 25%
Kenderaan bermotor	20% - 25%

Nilai sisa, hayat penggunaan dan kaedah susutnilai akan dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan untuk memastikan jumlah, kaedah dan jangka masa susutnilai adalah konsisten dengan anggaran sebelumnya dan jangkaan penggunaan faedah ekonomi masa depan dimuatkan dalam perkara hartanah, loji dan peralatan.

Perkara hartanah, loji dan peralatan akan tidak lagi diiktiraf apabila dilupuskan atau tiada faedah ekonomi masa depan dijangkakan daripada pelupusannya atau penggunaannya. Perbezaan di antara keuntungan pelupusan bersih dan jumlah di bawa bersih diiktiraf dalam keuntungan.

(f) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dimiliki atau dipegang bawah pegangan pajak untuk memperolehi pendapatan sewa atau tambahan modal atau kedua-duanya.

Hartanah ini akan dinilai pada mulanya mengikut kos, termasuk kos transaksi. Sejurus pengiktirafan pada mulanya, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama.

Nilai saksama ditetapkan menurut bukti transaksi harga pasaran untuk hartanah yang serupa dan dinilai oleh penilai bebas berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf dan pengalaman dalam lokasi dan- -kategori hartanah yang dinilai.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian pada tahun timbulnya.

Hartanah pelaburan tidak lagi diiktiraf apabila dilupuskan atau apabila hartanah pelaburan tidak lagi digunakan dan tiada faedah ekonomi masa depan dijangkakan daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penamatan atau pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian pada tahun timbulnya.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(g) Aset Tidak Ketara

Aset ketara dalam Syarikat merangkumi perisian aplikasi komputer. Kos pembangunan berkesan aplikasi perisian berdasarkan pengetahuan untuk memenuhi keperluan unik perniagaan insurans dipermodalkan dan diiktiraf sebagai aset tidak ketara.

Kos pembangunan perisian dilunaskan dari tarikh sistem diamanatkan berdasarkan garis lurus atas hayat -penggunaan ekonominya dan dinilai untuk penjejasan pada tarikh lembaran imbangan atau bila-bila masa terdapat indikasi aset ketara mungkin terjejas. Jangka masa pelunasan dan kaedah pelunasan untuk aset tidak ketara akan dikaji semula sekurang-kurangnya pada akhir tahun kewangan. Perbelanjaan pelunasan diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian.

Keuntungan atau kerugian daripada tidak pengiktirafan aset tidak ketara diukur menurut perbezaan di antara keuntungan pelupusan bersih dan nilai dibawa aset dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila aset tidak lagi diiktiraf.

(h) Aset Bukan Kewangan Terjejas

Nilai dibawa aset, selain daripada hartanah pelaburan dan aset cukai tertunda, diterima pada setiap tarikh lembaran imbangan untuk menentukan sekiranya ada sebarang penjejasan. Sekiranya penjejasan wujud, jumlah boleh diperolehi aset dianggarkan untuk menentukan kerugian penjejasan.

Untuk tujuan pengujian penjejasan aset ini, jumlah diperolehi ditentukan berdasarkan aset individu kecuali aset tersebut tidak menjanakan aliran tunai dan bergantung sepenuhnya pada aset lain. Sekiranya begitu, jumlah diperolehi ditentukan daripada unit penjanaan tunai ("CGU") dari mana datangnya aset tersebut.

Jumlah boleh diperolehi aset adalah yang nilai saksama tertinggi aset atau CGU tolak kos jualan dan nilai penggunaannya. Dalam mengkaji nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan kajian pasaran nilai semasa tunai dan risiko spesifik kepada aset. Apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah boleh diperolehi, aset dianggap terjejas dan dinilai turun kepada jumlah yang boleh diperolehi. Kerugian terjejas diiktiraf sebagai CGU atau kumpulan CGU diperuntukan terdahulunya untuk mengurangkan nilai dibawa sebarang peruntukan muhibbah kepada unit tersebut atau kumpulan unit dan sejurusnya mengurangkan nilai dibawa aset lain dalam unit atau kumpulan unit pada kadar pro-rata.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(h) Aset Bukan Kewangan Terjejas (samb.)

Kerugian terjejas aset diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian dalam jangka masa ianya timbul, kecuali aset tersebut dibawa pada jumlah dinilai semula, pada bila kerugian terjejas dikira sebagai pengurangan penilaian semula sehingga kerugian terjejas tidak melebihi jumlah dipegang dalam rizab penilaian semula aset untuk aset yang sama.

Kerugian terjejas untuk aset diterbalikkan hanya sekiranya ada perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperolehi aset sejak kerugian terjejas yang akhir diiktiraf. Nilai dibawa aset ditambahkan kepada jumlah boleh diperolehi dikaji semula, asalkan jumlah ini tidak melebihi nilai dibawa yang telah ditentukan (pelunasan atau susut nilai bersih) dan tiada kerugian terjejas diiktiraf untuk aset pada tahun sebelumnya. Pembalikan kerugian terjejas untuk aset diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali aset dibawa pada jumlah penilaian semula, di mana pembalikan tersebut dianggap sebagai pertambahan penilaian semula.

(i) Matawang Asing

(i) Matawang Fungsian dan Perbentangan

Penyata kewangan diperbentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan matawang fungsian Syarikat.

(ii) Transaksi Matawang Asing

Dalam menyediakan penyata kewangan Syarikat, transaksi dalam matawang selain daripada matawang fungsian entiti (matawang asing) dilaporkan dalam matawang fungsian menggunakan kadar pertukaran matawang pada tarikh transaksi. Pada tarikh lembaran imbalan, item monetari denominasi dalam matawang asing diterjemahkan pada kadar pertukaran pada tarikh lembaran imbalan. Item bukan monetari dibawa pada nilai saksama yang didenominasikan dalam matawang asing diterjemahkan pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan. Item bukan monetari yang diukur mengikut kos sejarah dalam matawang asing tidak diterjemahkan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian item monetari, dan penterjemahan item monetari dinyatakan dalam keuntungan atau kerugian.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penterjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai saksama termasuk dalam keuntungan atau kerugian untuk jangka masa kecuali perbezaan yang timbul daripada penterjemahan item bukan monetari di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item bukan monetari juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(i) Matawang Asing (samb.)

(iii) Operasi Asing

Keputusan dan posisi kewangan operasi asing yang mempunyai matawang fungsian yang berbeza daripada matawang perbentangan (RM) penyata kewangan yang disatukan diterjemahkan dalam RM seperti berikut:

- aset dan liabiliti untuk setiap lembaran imbangan diperbentangkan diterjemahkan pada kadar tutup pertukaran pada tarikh lembaran imbangan
- pendapatan dan perbelanjaan untuk setiap penyata pendapatan diterjemahkan pada kadar pertukaran purata untuk tahun, yang mengangarkan kadar pertukaran pada tarikh transaksi.
- segala perbezaan keputusan akan dibawa ke rizab penterjemahan matawang asing dalam ekuiti.

(j) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian untuk sesuatu tahun terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan yang dijangka akan dibayar ke atas keuntungan boleh cukai untuk tahun tersebut dan dikira pada kadar cukai yang digubalkan pada tarikh lembaran imbangan

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, untuk perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaan dalam penyata kewangan. Secara dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai belum digunakan ke satu tahap di mana wujudnya kemungkinan keuntungan boleh dicukai boleh ditolak dengan perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai belum digunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara tersebut timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang mana ia bukan satu penggabungan perniagaan dan pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh dicukai.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(j) Cukai Pendapatan (samb.)

Cukai tertunda dikira mengikut kadar cukai yang dianggarkan akan digunakan di dalam tempoh di mana aset itu direalisasi atau liabiliti itu dilangsaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubalkan atau digubalkan secara hakiki pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam keuntungan dan kerugian, kecuali apabila ia timbul daripada urusanniaga yang diiktiraf secara langsung di dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga akan diiktiraf secara langsung di dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada penggabungan perniagaan melibatkan pengambilalihan, dimana cukai tertunda diiktiraf di dalam muhibah atau jumlah lebihan dalam faedah pembeli dalam nilai saksama bersih aset penjual jelas, liabiliti dan liabiliti luar jangka kos pergabungan.

(k) Tunai dan tunai setara

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai termasuk wang tunai dan baki di bank, kecuali deposit tetap dan panggilan. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

(l) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam lembaran imbangan apabila Syarikat terlibat di dalam peruntukan berkontrak bagi instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti berdasarkan kepada kandungan perjanjian kontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan yang dinyatakan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai pendapatan atau perbelanjaan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasi sebagai ekuiti diambil kira terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diimbangkan apabila Syarikat mempunyai hak yang sah dari segi undang-undang untuk melakukan demikian dan berhasrat untuk menyelesaikannya samaada secara bersih atau dengan merealisasikan aset dan melangsaikan liabiliti tersebut secara serentak.

Pendedahan maklumat bagi aset dan liabiliti kewangan yang berkaitan dengan hak dan obligasi yang terhasil daripada perjanjian insurans tidak termasuk dalam skop Piawaian Laporan Kewangan (RFS) 132 - Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan.

(i) Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Lain-lain Pelaburan Diluluskan

Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") dan lain-lain pelaburan diluluskan termasuk Sijil Deposit Boleh Niaga ("NCD") dan Sijil Deposit Boleh Niaga Islam ("NICD"). seperti yang ditentukan oleh BNM dinyatakan pada kos yang diselaraskan untuk pelunasan premium atau pertambahan diskaun, dikira pada dasar hasil malar, dari tarikh pembelian hingga matang.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(i) Instrumen Kewangan (samb.)

(ii) Bon Terjamin Kerajaan dan Bon Korporat Tidak Disebutharga

Bon terjamin kerajaan dan bon korporat tidak disebutharga yang mempunyai penarafan minima "BBB" atau "P3" dinyatakan pada kos dilaraskan untuk pelunasan premium atau pertambahan diskaun berdasarkan kaedah hasil efektif daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang masing-masing. Sebarang bon korporat dengan penarafan yang lebih rendah dinyatakan pada nilai kos atau nilai boleh direalisasi bersih, yang mana lebih rendah.

(iii) Pelaburan Disebutharga

Pelaburan disebutharga dinyatakan pada nilai yang lebih rendah di antara kos dan nilai pasaran, yang ditentukan secara portfolio agregat bagi setiap kategori pelaburan, kecuali jika penurunan nilai sesuatu pelaburan tidak dianggap sementara, peruntukan pengurangan nilai akan dibuat ke atas nilai pelaburan tersebut.

Kos ditentukan mengikut kadar purata wajaran.

(iv) Pelaburan Tidak Disebutharga

Pelaburan tidak disebutharga dinyatakan pada kos tolak kerugian terjejas terkumpul.

Pelaburan tidak disebutharga dinilai pada harga pasaran indikatif disebutharga di pasaran peringkat kedua.

(v) Perniagaan Pelaburan Berkaitan

Segala perniagaan pelaburan berkaitan dinyatakan pada harga penutupan pasaran atau harga pasaran indikatif pada tarikh lembaranimbangan.

Sebarang tambahan atau kurangan di dalam nilai pelaburan ini diiktiraf di dalam penyata pendapatan pelaburan berkaitan.

Keuntungan atau kerugian daripada penjualan pelaburan adalah perbezaan di antara perolehan bersih dan nilai dibawa. Keuntungan atau kerugian penjualan pelaburan dinyatakan dalam keuntungan dan kerugian.

(vi) Instrumen Kewangan Terbitan

Instrumen Kewangan Terbitan tidak diiktiraf dalam penyata kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

(l) Instrumen Kewangan (samb.)

(vii) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai boleh direalisasi yang dijangka. Hutang lapuk dilupuskan apabila ia dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berasaskan kajian semula semua jumlah tertunggak pada tarikh lembaran imbangan. Peruntukan khusus dibuat bagi premium, termasuk baki terhutang daripada agen, broker dan penghutang insurans semula yang masih tertunggak bagi tempoh melebihi enam bulan (kecuali baki premium motor yang tertunggak untuk lebi 30 hari) dari tarikh hutang.

(viii) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibuat untuk barangan dan perkhidmatan masa depan.

(ix) Instrumen Ekuiti

Modal saham diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen untuk modal saham diiktiraf dan diambilkira di dalam ekuiti pada tahun kewangan ia diisytiharkan.

(m) Subsidiari-subsidiari dan Dasar Bukan-Gabungan

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari milik penuh Dana Pemegang Saham dinyatakan pada kos tolak peruntukan untuk kerugian terjejas.

Subsidiari-subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana Syarikat memiliki faedah ekuiti jangka masa panjang dan di mana ianya mempunyai kuasa kawalan ke atas polisi pengurusan dan kewangan untuk memperolehi faedah daripadanya.

Sepertimana dibenarkan dalam sub-perenggan 5(4), Jadual Ke-Sembilan Akta Syarikat 1965, tiada penyata gabungan disediakan kerana Syarikat adalah subsidiari milik penuh Mayban Fortis Holdings Berhad ("MFHB"), sebuah syarikat diperbadankan di Malaysia. Pejabat berdaftar Syarikat adalah Paras 19, Tower C, Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

Berkenaan penjualan pelaburan di subsidiari, perbezaan untung bersih penjualan dan nilai dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Perubahan dalam Polisi Perakaunan dan Kesan dari Pengadaptasian FRS yang Baru dan yang Disemak Semula

Pada tahun kewangan semasa, Syarikat telah mengadaptasikan FRS baharu dan disemak semula mandatori untuk tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2006.

FRS 2	Bayaran Berdasarkan-Saham
FRS 3	Gabungan Perniagaan
FRS 5	Aset Tak Semasa Dipegang Untuk Jualan dan Operasi Terhenti
FRS 101	Perbentangan Penyata Kewangan
FRS 102	Inventori
FRS 108	Polisi Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Ralat
FRS 110	Peristiwa Selepas Tarikh Lembaran Imbangan
FRS 116	Hartanah, Loji dan Peralatan
FRS 121	Kesan Perubahan Dalam Kadar Pertukaran Asing
FRS 127	Penyata Kewangan Disatukan dan Diasingkan
FRS 128	Pelaburan Dalam Rakan Niaga
FRS 131	Kepentingan Dalam Usahasama
FRS 132	Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Perbentangan
FRS 133	Earning Per Share
FRS 136	Aset Terjejas
FRS 138	Aset Tidak Ketara
FRS 140	Hartanah Pelaburan

Pengadaptasian FRS 3, 108, 110, 116, 121, 127, 132, 133 dan 136 tidak membawa perubahan ketara dalam polisi perakaunan Syarikat. FRS 2, 5, 102, 128 dan 131 tidak digunakan untuk Syarikat. Perubahan prinsipal dalam polisi perakaunan dan kesan perubahan pengadaptasian FRS baru dan disemak semula diperbentangkan di Nota 2.3(a) - 2.3(e).

Pada tarikh penguatkuasaan penyata kewangan ini, FRS berikut, pindaan kepada FRS dan Interpretasi telah diterbitkan tetapi belum efektif dan tidak digunakan oleh Syarikat.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Perubahan dalam Polisi Perakaunan dan Kesan dari Pengadaptasian FRS yang Baru dan yang Disembak Semula (samb.)

FRS, Pindaan Kepada FRS dan Interpretasi	Tarikh Berkuatkuasa
FRS 117: Pajakan	1 Oktober 2006
FRS 124: Transaksi Parti Berkaitan	1 Oktober 2006
FRS 139: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran	Ditangguhkan
FRS 6: Eksplorasi dan Penilaian Sumber-sumber Mineral	1 Januari 2007
FRS 107: Penyata Aliran Tunai	1 Julai 2007
FRS 111: Kontrak Pembinaan	1 Julai 2007
FRS 112: Cukai Pendapatan	1 Julai 2007
FRS 118: Hasil	1 Julai 2007
FRS 120: Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan	1 Julai 2007
FRS 134: Laporan Kewangan Interim	1 Julai 2007
FRS 137: Peruntukan, Liabiliti Luarjangka dan Aset Luarjangka	1 Julai 2007
Pindaan kepada FRS 119 ₂₀₀₄ : Manfaat Pekerja - Keuntungan dan Kerugian Aktuari, Pelan Kumpulan dan Pendedahan	1 Januari 2007
Pindaan kepada FRS 121: Kesan Perubahan Kadar Tukaran Asing - Pelaburan Bersih di dalam Operasi Asing	1 Julai 2007
IC Interpretasi 1: Perubahan dalam Pembubaran Sedia Ada, Pengekalan dan Liabiliti-liabiliti Setara	1 Julai 2007
IC Interpretasi 2: Saham Ahli-ahli Entiti-entiti Koperasi dan Instrumen-instrumen Setara	1 Julai 2007
IC Interpretasi 5: Hak terhadap Kepentingan Berpunca daripada Pembubaran, Pengekalan dan Dana Pemuliharaan Alam	1 Julai 2007
IC Interpretasi 6: Liabiliti-liabiliti Berpunca daripada Penyertaan dalam Pasaran Tertentu-Sisa Kelengkapan Elektrik dan Elektronik 1	1 Julai 2007
IC Interpretasi 7: Penggunaan Pendekatan Dinyatakan Semula dibawah FRS 129/2004 - Laporan Kewangan di dalam Ekonomi Inflasi Melampau	
Interpretasi IC 8: Skop FRS 2	1 Julai 2007

FRS, pindaan kepada FRS dan Interpretasi dijangka tidak mempunyai kesan ketara keatas penyata kewangan Syarikat diwaktu permulaan penggunaannya kelak.

Syarikat dikecualikan daripada mendedahkan kemungkinan kesan, jika ada, keatas penyata kewangan di waktu permulaan penggunaan FRS 117, FRS 124 dan FRS 139.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Perubahan dalam Polisi Perakaunan dan Kesan dari Pengadaptasian FRS yang Baru dan yang Disemak Semula (samb.)

Perubahan prinsipal dalam polisi perakaunan dan kesannya dari pengadaptasian FRS baru dan disemak semula adalah seperti berikut:

(a) FRS 101: Perbentangan Penyata Kewangan

Pengadaptasian FRS 101 yang telah disemak semula memberi kesan kepada perbentangan penyata perubahan dalam ekuiti. FRS 101 memerlukan pendedahan muka penyata perubahan dalam ekuiti, jumlah pendapatan diiktiraf dan perbelanjaan pada tahun semasa.

Perubahan dalam perbentangan ini berkesan secara retrospektif dan bandingan tertentu telah dinyatakan semula. Perubahan perbentangan ini tidak memberi kesan terhadap

(b) FRS 138: Aset Tidak Ketara

Sebelum 1 Julai 2006, kos perisian dan aplikasi komputer dalaman diiktiraf dalam Hartanah, Loji dan Peralatan. Setelah pengadaptasian FRS 138, aplikasi perisian yang bukannya bahagian integral perkakasan komputer diiktiraf sebagai aset tidak ketara dan dilunaskan dari tarikh sistem diamanatkan pada dasar garis lurus ke atas anggaran hayat gunanya. Nilai dibawa dikaji untuk kejejasan pada tarikh setiap lembaranimbangan atau bila-bila sahaja terdapat kesan kejejasan.

Kalsifikasi ini berkesan secara retrospektif dan bandingan tertentu telah dinyatakan semula. Kesan pada lembaranimbangan dan penyata pendapatan telah dinyatakan di Nota 2.3 (d)(i) dan (ii) masing-masing.

(c) FRS 140: Hartanah Pelaburan

Sebelum 1 Julai 2006, semua hartanah di bawah Dana Hayat dinyatakan pada kos tolak kerugian terjejas menurut FRS 203₂₀₀₄ - Perniagaan Insurans Hayat, Hartanah Pelaburan tidak disusut nilai.

Setelah pengadaptasian FRS 140, hartanah yang menjanakan sewa atau untuk modal terkumpul atau kedua-duanya diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan. Tambahan, hartanah pelaburan diukur berdasarkan keadaan nilai saksama. Nilai saksama dinyatakan merujuk kepada nilai pasaran harga untuk hartanah seumpama dan ditentukan oleh jurunilai bebas bertauliah.

Hartanah pelaburan kini dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan dan kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian pada tahun berkaitan. Kesan pada lembaranimbangan dan penyata pendapatan telah dinyatakan di Nota 2.3 (d)(i) dan (ii) masing-masing.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Perubahan dalam Polisi Perakaunan dan Kesan dari Pengadaptasian FRS yang Baru dan yang Disemak Semula (samb.)

(d) Ringkasan kesan pengadaptasian FRS yang baru dan yang disemak semula ke atas penyata kewangan tahun kewangan semasa.

Jadual berikut memberikan anggaran kepada tahap di mana setiap item digariskan pada lembaran imbalan dan penyata pendapatan untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2007 yang mungkin adalah lebih tinggi atau rendah sekiranya polisi lama digunakan dalam tahun kewangan semasa.

(i) Kesan pada lembaran imbalan pada 30 Jun 2007

Deskripsi perubahan	(Tambah)/Kurang		
	FRS 138	FRS140	Jumlah
	Nota 2.3(b)	Nota 2.3(c)	
	RM'000	RM'000	RM'000
Insurans Hayat dan Dana Pemegang Saham			
Hartanah, loji dan peralatan	(301)	(618)	(919)
Aset tidak ketara	301	-	301
Hartanah pelaburan	-	1,700	1,700
Liabiliti cukai tertunda	-	292	292
Perolehan terkumpul	-	790	790
Dana Hayat			
Hartanah, loji dan peralatan	(2,579)	1,664	(915)
Aset tidak ketara	2,579	-	2,579
Hartanah pelaburan	-	106,312	106,312
Liabiliti cukai tertunda	-	8,638	8,638
Dana pemegang polisi hayat	-	99,338	99,338

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Perubahan dalam Polisi Perakaunan dan Kesan dari Pengadaptasian FRS yang Baru dan yang Disemak Semula (samb.)

(d) Ringkasan kesan pengadaptasian FRS yang baru dan yang disemak semula ke atas penyata kewangan tahun kewangan semasa. (samb.)

(ii) Kesan pada penyata pendapatan pada 30 Jun 2007

Deskripsi perubahan	Tambah	
	FRS140 Nota 2.3(c) RM'000	Jumlah RM'000
Insurans Am dan Dana Pemegang Saham		
Pendapatan operasi lain	100	100
Keuntungan sebelum cukai	100	100
Keuntungan selepas cukai	73	73
Dana Hayat		
Pendapatan operasi lain	108,289	108,289
Lebihan sebelum cukai	107,945	107,945
Lebihan selepas cukai	99,309	99,309

2.3 Perubahan dalam Polisi Perakaunan dan Kesan dari Pengadaptasian FRS yang Baru dan yang Disemak Semula (SAMB.)

(e) Bandingan dinyatakan semula

Jumlah bandingan berikut telah dinyatakan semula akibat pengadaptasian FRS baru dan disemak semula:

Deskripsi perubahan

	Sebelumnya Dinyatakan RM'000	(Kurang)/Tambah		Di- nyatakan RM'000
		FRS 138 Nota 2.3(b) RM'000	FRS140 Nota 2.3(c) RM'000	
Insurans Am dan Dana Pemegang Saham				
<u>Pada 1 Julai 2006</u>				
Hartanah pelaburan	618	-	982	1,600
Aset cukai tertunda	15,193	-	(19)	15,174
Perolehan terkumpul	815,658	-	963	816,621
<u>Pada 30 Jun 2006</u>				
Hartanah, loji dan peralatan	37,404	(397)	(618)	36,389
Aset tidak ketara	-	397	-	397
Hartanah pelaburan	-	-	618	618
Dana Hayat				
<u>Pada 30 Jun 2006</u>				
Hartanah pelaburan	266,088	-	(1,977)	264,111
Hartanah, loji dan peralatan	6,322	(1,817)	1,977	6,482
Aset tidak ketara	-	1,817	-	1,817

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.4 Perubahan Dalam Anggaran

Semak semula FRS 116: Hartanah, Loji dan Peralatan memerlukan semak semula nilai sisa dan hayat guna sesuatu item hartanah, loji dan peralatan sekurang-kurangnya sekali setiap tahun kewangan.

Tiada perubahan ketara dalam anggaran semasa tahun kewangan kecuali yang dinyatakan dalam nota 2.5(b)(i).

2.5 Anggaran Perakaunan Penting dan Perhitungan

(a) Perhitungan Kritikal Yang Dibuat Dalam Menggunakan Polisi Perakaunan

Berikut adalah perhitungan yang dibuat oleh pihak pengurusan dalam proses menggunakan polisi perakaunan Syarikat yang mempunyai kesan paling penting dalam jumlah diiktiraf dalam penyata kewangan.

(i) Liabiliti Perniagaan Insurans

Anggaran aktuarial liabiliti polisi luar jangka masa depan dikira menurut piawaian dan kadar dinyatakan di bawah Akta Insurans dan Peraturan, dan menggunakan kaedah aras premium bersih dengan peruntukan untuk kos pembelian menerusi aplikasi zilmer atau pelarasan berjangka awalan penuh, yang mana memberikan rizab yang lebih tinggi.

Untuk tuntutan am, rizab dibuat selepas pengumuman tuntutan baru di mana potensi liabiliti akan dikaji mengikut berdasarkan maklumat yang sedia ada. Di mana maklumatnya kurang atau tiada, suatu rizab “buta” akan digunakan. Rizab buta berdasarkan kelas perniagaan dan disemak setiap tahun seiring - dengan garis panduan Bank Negara Malaysia. Sekiranya lebih maklumat diterima mengenai sesuatu tuntutan, pindaan akan dibuat.

(ii) Klasifikasi di antara pelaburan hartanah dan hartanah, loji dan peralatan

Syarikat telah membentuk kriteria tertentu berdasarkan FRS 140 dalam membuat perhitungan samaada hartanah layak untuk diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan. Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk perolehan sewa atau untuk modal terkumpul atau kedua-duanya.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.5 Anggaran Perakaunan Penting dan Perhitungan (samb.)

(a) Perhitungan Kritikal Yang Dibuat Dalam Menggunakan Polisi Perakaunan (samb.)

(ii) Klasifikasi di antara pelaburan hartanah dan hartanah, loji dan peralatan (samb.)

Setengah hartanah merangkumi bahagian yang dipegang untuk perolehan sewa atau untuk modal terkumpul dan bahagian lain yang dipegang untuk digunakan untuk pengeluaran atau bekalan produk atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Sekiranya bahagian ini boleh dijual secara terasing (atau dipajak secara terasing di bawah pajakan kewangan), Syarikat akan mengakaun bahagian tersebut secara terasing. Sekiranya bahagian itu tidak dapat dijual secara terasing, hartanah itu merupakan hartanah pelaburan hanya sekiranya bahagian kecil dipegang untuk digunakan dalam pengeluaran atau bekalan produk atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran.

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggapan utama berkenaan masa depan dan sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada tarikh lembaran imbalan, yang mempunyai kesan risiko besar menyebabkan palarasan ketara kepada -umlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan seperti yang dinyatakan di bawah.

(i) Susutnilai hartanah, loji dan peralatan

Kos hartanah, loji dan peralatan seperti elevator, lif dll dan hartanah milik sendiri disusut nilai pada dasar garis lurus ke atas anggaran hayat boleh guna aset-aset tersebut. Syarikat menganggarkan hayat boleh guna hartanah, loji dan peralatan selama 15 hingga 20 tahun. Ini adalah anggaran biasa hayat boleh guna hartanah, loji dan peralatan bangunan.

(ii) Pelunasan aset tidak ketara

Syarikat mengiktiraf kos pembangunan berkesan aplikasi perisian dan komputer berdasarkan pengetahuan sebagai aset tidak ketara dengan hayat guna terhingga. Aplikasi perisian dan komputer memenuhi keperluan unik perniagaan insurans dan Syarikat mengiktiraf bahawa kos pembangunan ini akan menjanakan faedah ekonomi menjangkau setahun.

Kos pembangunan perisian dilunaskan dari tarikh sistem diamanatkan berdasarkan garis lurus atas hayat penggunaan ekonominya dan dinilai untuk penjejasan pada tarikh lembaran imbalan atau bila-bila masa terdapat indikasi aset ketara mungkin terjejas.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.5 Anggaran Perakaunan Penting dan Perhitungan (samb.)

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (samb.)

(iii) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk kesemua kerugian cukai tidak diguna dan elaun modal tidak diserap kepada tahap ianya mungkin bahawa keuntungan boleh dicukai akan sedia ada bertentangan elaun modal dan kerugian boleh diguna. Pihak pengurusan haruslah menghitung secara mendalam untuk - menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan masa dan peringkat keuntungan boleh dicukai serta strategi perancangan cukai masa depan.

3. HARTANAH, PERALATAN DAN KELENGKAPAN

(a) DANA INSURANS AM DAN PEMEGANG SAHAM

	#Tanah dan bangunan RM'000	Peralatan komputer RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Perabot dan kelengkapan pejabat RM'000	Jumlah RM'000
2007					
Kos					
Pada 1 Julai 2006	43,468	62,836	915	27,345	134,564
Tambahan	-	29	-	75	104
Hapus kira	-	-	(596)	-	(596)
Pada 30 Jun 2006	43,468	62,865	319	27,420	134,072
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 Julai 2006	10,479	60,421	544	26,059	97,503
Caj bagi tahun kewangan	1,154	1,679	2	680	3,515
Hapus kira	-	-	(229)	-	(229)
Pada 30 Jun 2007	11,633	62,100	317	26,739	100,789
Kerugian terjejas terkumpul					
Pada 1 Julai 2006	672	-	-	-	672
Caj bagi tahun kewangan	988	-	-	-	988
Pada 30 Jun 2007	1,660	-	-	-	1,660
Nilai dibawa bersih	30,175	765	2	681	31,623

3. HARTANAH, PERALATAN DAN KELENGKAPAN (SAMB.)

(a) DANA INSURANS AM DAN PEMEGANG SAHAM (samb.)

	#Tanah dan bangunan RM'000	Peralatan komputer RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Perabot dan kelengkapan pejabat RM'000	Jumlah RM'000
2006					
Kos					
Pada 1 April 2005	58,334	62,179	1,188	27,304	149,005
Tambahan	-	666	451	52	1,169
Hapus kira	(14,866)	(9)	(724)	(11)	(15,610)
Pada 30 Jun 2006	<u>86,936</u>	<u>111,823</u>	<u>1,830</u>	<u>54,690</u>	<u>255,279</u>
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 April 2005	12,206	49,759	575	24,912	87,452
Caj bagi tahun kewangan	826	10,672	329	1,157	12,984
Hapus kira	(2,553)	(10)	(360)	(10)	(2,933)
Pada 30 Jun 2006	<u>20,958</u>	<u>107,390</u>	<u>1,088</u>	<u>52,118</u>	<u>181,554</u>
Kerugian terjejas terkumpul					
Pada 1 April 2005/ 30 Jun 2006	<u>672</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>672</u>
Nilai dibawa bersih	<u>32,317</u>	<u>2,415</u>	<u>371</u>	<u>1,286</u>	<u>36,389</u>

3. HARTANAH, PERALATAN DAN KELENGKAPAN (SAMB.)

(a) DANA INSURANS AM DAN PEMEGANG SAHAM (samb.)

# Tanah dan bangunan:		Bangunan di			
	Tanah	Bangunan	Tanah	atas tanah	
	milikbebas	di atas	pegangan	pegangan	
	RM'000	tanah	pajak	pajak	
		milikbebas	50 tahun	50 tahun	Jumlah
		RM'000	atau lebih	atau lebih	RM'000
			RM'000	RM'000	
2007					
Kos					
Pada 1 Julai 2006/ 30 Jun 2007	3,697	8,932	24,978	5,861	43,468
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 Julai 2006	1,024	2,204	4,190	3,061	10,479
Caj bagi tahun kewangan	-	60	304	790	1,154
Klasifikasi semula	(1,024)	1,024	-	-	-
Pada 30 Jun 2007	-	3,288	4,494	3,851	11,633
Kerugian terjejas terkumpul					
Pada 1 Julai 2006	-	-	-	672	672
Caj bagi tahun kewangan	-	-	-	988	988
Pada 30 Jun 2007	-	-	-	1,660	1,660
Nilai dibawa bersih	3,697	5,644	20,484	350	30,175

3. HARTANAH, PERALATAN DAN KELENGKAPAN (SAMB.)

(a) DANA INSURANS AM DAN PEMEGANG SAHAM (samb.)

# Tanah dan bangunan: (Samb.)	Tanah		Bangunan di		Jumlah
	milikbebas RM'000	milikbebas RM'000	Tanah pegangan pajak 50 tahun atau lebih RM'000	atas tanah pegangan pajak 50 tahun atau lebih RM'000	
2006					
Kos					
Pada 1 April 2005	3,697	8,932	39,664	6,041	58,334
Hapus kira	-	-	(14,686)	(180)	(14,866)
Pada 30 Jun 2006	3,697	8,932	24,978	5,861	43,468
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 April 2005	1,024	1,981	6,263	2,938	12,206
Caj bagi tahun kewangan	-	223	430	173	826
Hapus kira	-	-	(2,503)	(50)	(2,553)
Pada 30 Jun 2006	1,024	2,204	4,190	3,061	10,479
Kerugian terjejas terkumpul					
Pada 1 April 2005/ 30 Jun 2006	-	-	-	672	672
Nilai dibawa bersih	2,673	6,728	20,788	2,128	32,317

3. HARTANAH, PERALATAN DAN KELENGKAPAN (samb.)

(b) DANA INSURANS HAYAT

	Hartanah milik sendiri bebas RM'000	Peralatan komputer RM'000	Peralatan, perabot dan kelengkapan pejabat RM'000	Kerja dalam proses RM'000	Jumlah RM'000
2007					
Kos					
Pada 1 Julai 2006	2,105	15,857	7,409	-	25,371
Tambahan	-	4,019	-	1,087	5,106
Pada 30 Jun 2007	<u>6,315</u>	<u>39,752</u>	<u>14,818</u>	<u>2,174</u>	<u>63,059</u>
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 Julai 2006	-	12,276	6,485	-	18,761
Caj bagi tahun kewangan	276	1,921	277	-	2,474
Pada 30 Jun 2007	<u>276</u>	<u>14,197</u>	<u>6,762</u>	<u>-</u>	<u>21,235</u>
Kerugian terjejas terkumpul					
Pada 1 Julai 2006	128	-	-	-	128
Caj bagi tahun kewangan	37	-	-	-	37
Pada 30 Jun 2007	<u>293</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>293</u>
Nilai dibawa bersih	<u>1,664</u>	<u>5,679</u>	<u>647</u>	<u>1,087</u>	<u>9,077</u>

3. HARTANAH, PERALATAN DAN KELENGKAPAN (SAMB.)

(b) DANA INSURANS HAYAT (samb.)

	Hartanah milik sendiri bebas RM'000	Peralatan komputer RM'000	Peralatan, perabot dan kelengkapan pejabat RM'000	Kerja dalam proses RM'000	Jumlah RM'000
2006					
Kos					
Pada 1 April 2005	-	14,071	8,007	387	22,465
Tambahan	-	1,804	228	4,474	6,506
Hapus kira	-	(18)	(6)	(280)	(304)
Klasifikasi semula	-	-	(820)	820	-
Pindahan	-	-	-	(5,401)	(5,401)
Pindahan daripada hartanah pelaburan (Kesan FRS 140)	2,105	-	-	-	2,105
Pada 30 Jun 2006	2,105	15,857	7,409	-	25,371
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 April 2005	-	9,783	5,976	-	15,759
Caj bagi tahun kewangan	-	2,511	515	-	3,026
Hapus kira	-	(18)	(6)	-	(24)
Pada 30 Jun 2006	-	12,276	6,485	-	18,761
Kerugian terjejas terkumpul					
Pada 1 April 2005	-	-	-	-	-
Pindahan daripada hartanah pelaburan (Kesan FRS 140)	128	-	-	-	128
Pada 30 Jun 2006	128	-	-	-	128
Nilai dibawa bersih	1,977	3,581	924	-	6,482

3. HARTANAH, PERALATAN DAN KELENGKAPAN (SAMB.)

Hakmilik kepada sesetengah tanah pajakan dan tanah bebas milik serta bangunan Dana Insurans Hayat berjumlah RM305,000 (2006: RM305,000) dan Dana Insurans Am dan Pemegang Saham Syarikat berjumlah RM7,121,000 (2006: RM14,666,000) adalah dalam proses pemindahan kepada Syarikat. Risiko dan ganjaran serta hakmilik efektif kepada tanah dan bangunan tersebut telah diserahkan kepada Syarikat apabila lengkapnya perjanjian jual-beli tanpa syarat tersebut. Pihak Syarikat telah menyerahkan kesemua dokumen yang relevan kepada pihak berkuasa tanah dan sedang menunggu proses dan formaliti pemindahan hakmilik untuk disempurnakan oleh pihak berkuasa tersebut.

4. HARTANAH PELABURAN

(a) DANA INSURANS AM DAN PEMEGANG SAHAM

	Bangunan pegangan pajak RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Julai 2006	618	618
Kesan adaptasi FRS 140	982	982
Pada 1 Julai 2006 (dinyatakan semula)	1,600	1,600
Pelarasan nilai saksama	100	100
Pada 30 Jun 2007	1,700	1,700
Pada 1 April 2005/30 Jun 2006	618	618

(b) DANA INSURANS HAYAT

	Tanah dan bangunan pegangan bebas RM'000	Tanah dan bangunan pegangan pajak RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Julai 2006	189,083	92,623	281,706
Pelarasan nilai saksama	112,706	(22,012)	90,694
At 30 June 2007	301,789	70,611	372,400
Pada 1 April 2005	203,895	70,152	274,047
(Hapus kira)/tambahan	(12,707)	22,471	9,764
Pindahan kepada hartanah, logi dan peralatan (Kesan FRS 140)	(2,105)	-	(2,105)
Pada 30 Jun 2006	189,083	92,623	281,706

4. HARTANAH PELABURAN (SAMB.)

(b) DANA INSURANS HAYAT (samb.)

	Tanah dan bangunan pegangan bebas RM'000	Tanah dan bangunan pegangan pajak RM'000	Jumlah RM'000
Kerugian terjejas terkumpul			
Pada 1 Julai 2006	128	17,595	17,723
Masuk kira semula penjejasan (Kesan FRS 140)	-	(17,595)	(17,595)
Pada 30 Jun 2007	-	-	-
Pada 1 April 2005	-	9,392	9,392
Peruntukan penjejasan	128	8,203	8,331
Pindahan kepada hartanah, logi dan peralatan (Kesan FRS 140)	(128)	-	(128)
Pada 30 Jun 2006	-	17,595	17,595
Nilai buku bersih			
Pada 30 Jun 2007	301,789	70,611	372,400
Pada 30 Jun 2006	189,083	75,028	264,111

Hakmilik kepada sesetengah tanah pajakan dalam hartanah pelaburan Dana Insurans Hayat Syarikat berjumlah RM21,388,000 (2006: RM18,394,000) adalah dalam proses pemindahan kepada Syarikat. Risiko dan ganjaran serta hakmilik efektif kepada tanah pajakan tersebut telah diserahkan kepada Syarikat apabila lengkapnya perjanjian jual-beli tanpa syarat tersebut. Pihak Syarikat telah menyerahkan kesemua dokumen yang relevan kepada pihak berkuasa tanah dan sedang menunggu proses dan formality pemindahan hakmilik untuk disempurnakan oleh pihak berkuasa tersebut.

5. ASET TIDAK KETARA

	Kos pembangunan perisian			
	Dana Am dan Pemegang Saham		Dana Hayat	
	2007	2006	2007	2006
Kos	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Julai 2006/1 April 2005	13,849	13,558	12,160	12,160
Tambahan	168	291	871	-
Pada 30 Jun	14,017	13,849	13,031	12,160

5. ASET TIDAK KETARA (SAMB.)

	Kos pembangunan perisian			
	Dana Am dan		Dana Hayat	
	Pemegang Saham			
	2007	2006	2007	2006
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pelunasan terkumpul				
Pada 1 Julai 2006/1 April 2005	13,452	13,213	10,343	10,154
Pelunasan	264	239	109	189
Pada 30 Jun	13,716	13,452	10,452	10,343
Nilai dibawa bersih	301	397	2,579	1,817

6. SUBSIDIARI

	Dana Am dan	
	Pemegang Saham	
	2007	2006
	RM'000	RM'000
Saham tidak disebut harga, pada kos	415,978	415,978
Peruntukan untuk kerugian terjejas	(244,853)	(244,853)
	171,125	171,125

Butiran syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Negara liperbadankai	Faedah efektif(%)		Kegiatan utama
		2007	2006	
Takaful Nasional Sdn. Berhad	Malaysia	100	100	Pengunderaitan Takaful Am Sdn. Berhad dan keluarga
MNI Offshore Insurance (L) Ltd.	Malaysia	100	100	Perniagaan insurans semula Am luarsisir dan peruntukan perkhidmatan biro kepada insurans semula luarsisir dalam Wilayah Persekutuan Labuan

6. SUBSIDIARI (SAMB.)

Butiran syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut: (samb.)

Nama syarikat	Negara liperbadankai	Faedah efektif(%)		Kegiatan utama
		2007	2006	
MNI Life International (L) Ltd.	Malaysia	100	100	Perniagaan insurans hayat luarsisir
Double Care Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Pemegangan pelaburan
Peram Ranum Berhad	Malaysia	100	100	Tidak aktif

(i) Pembubaran Sukarela Ahli Sebuah Subsidiari

Pada 10 April 2007, MNI Life International (L) Ltd. (“MNILIL”) telah memulakan Pembubaran Sukarela Ahlinya menurut resolusi khas di bawah Seksyen 131(1) Akta Syarikat Luar Pesisir, 1990 dan Seksyen 254(1)(b) Akta Syarikat, 1965. MNILIL akan dibubarkan secara rasminya 3 bulan selepas mesyuarat terakhirnya pada 15 Jun 2007.

7. TERHUTANG DARIPADA (KEPADA) SYARIKAT-SYARIKAT BERKAITAN

DANA INSURANS AM DAN PEMEGANG SAHAM

	2007 RM'000	2006 RM'000
Terhutang daripada syarikat induk	-	1
Terhutang daripada subsidiari	-	377
Terhutang daripada syarikat-syarikat berkaitan	2,377	-
	<u>2,377</u>	<u>378</u>
Terhutang kepada syarikat induk kedua	-	7
Terhutang kepada syarikat induk	962	-
Terhutang kepada subsidiari	16,610	17,091
Terhutang kepada syarikat-syarikat berkaitan	1,053	-
	<u>18,625</u>	<u>17,098</u>

Jumlah yang terhutang daripada subsidiari dan syarikat-syarikat berkaitan tidak terjamin, bukan dagang, tanpa faedah dan tiada terma pembayaran balik yang tetap.

8. PELABURAN**(a) DANA INSURANS AM DAN PEMEGANG SAHAM**

	2007		2006	
	Nilai dibawa RM'000	Nilai Pasaran/ Petunjuk RM'000	Nilai dibawa RM'000	Nilai Pasaran/ Petunjuk RM'000
Sekuriti Kerajaan Malaysia – pada kos	32,809		43,828	
Pelunasan premium - bersih	(1,035)		(2,144)	
	<u>31,774</u>	<u>32,267</u>	<u>41,684</u>	<u>41,077</u>
Bon Terjamin Kerajaan Malaysia – pada kos	68,694		-	
Pelunasan premium - bersih	(1,304)		-	
	<u>67,390</u>	<u>67,811</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia - pada kos	26,491		22,322	
Diskaun terkumpul bersih	2,843		1,709	
	<u>29,334</u>	<u>30,272</u>	<u>24,031</u>	<u>23,671</u>
Disebutharga di Malaysia: Sekuriti ekuiti badan-badan Korporat – pada kos	117,658		197,684	
Peruntukan rosot nilai	(309)		(6,109)	
	<u>117,349</u>	<u>188,103</u>	<u>191,575</u>	<u>204,609</u>
Unit amanah – pada kos	8,085		1,581	
Peruntukan rosot nilai	(409)		(720)	
	<u>7,676</u>	<u>8,103</u>	<u>861</u>	<u>861</u>

8. PELABURAN (SAMB.)**(a) DANA INSURANS AM DAN PEMEGANG SAHAM (samb.)**

	2007		2006	
	Nilai dibawa RM'000	Nilai Pasaran/ Petunjuk RM'000	Nilai dibawa RM'000	Nilai Pasaran/ Petunjuk RM'000
Tidak disebutbarga di Malaysia:				
Sekuriti ekuiti badan-badan Korporat - pada kos	63,500		47,500	
Peruntukan rosot nilai	(2,696)		(2,696)	
	<u>60,804</u>	<u>60,804</u>	<u>44,804</u>	<u>44,804</u>
Sekuriti hutang korporat – pada kos	433,800		446,545	
Pertambahan diskaun - bersih	22,071		23,598	
Peruntukan rosot nilai	(24,537)		(22,953)	
	<u>431,334</u>	<u>440,946</u>	<u>447,190</u>	<u>417,435</u>
Tidak disebutbarga:				
Dana pelaburan berkaitan – pada kos	-	-	39,987	48,261
Sijil Deposit Boleh Niaga	20,956		26,013	
Pelunasan premium	(203)		(64)	
	<u>20,753</u>	<u>20,753</u>	<u>25,949</u>	<u>25,949</u>
Deposit berstruktur dengan:				
Bank berlesen	<u>100,000</u>		<u>-</u>	
Deposit tetap dan deposit panggilan dengan:				
Bank berlesen	97,898		144,056	
Lain-lain institusi kewangan	129,207		166,190	
	<u>227,105</u>		<u>310,246</u>	
Jumlah Pelaburan – Dana Insurans Am dan Pemegang Saham	<u>1,064,185</u>		<u>1,102,296</u>	

8. PELABURAN (SAMB.)**(a) DANA INSURANS AM DAN PEMEGANG SAHAM (samb.)**

- (i) Struktur kematangan pelaburan, pada nilai dibawa (tidak termasuk hartanah pelaburan, hartanah, pelaburan ekuiti, waran dan dana amanah) adalah seperti berikut:

2007	< 1 tahun RM'000	1 hingga < 3 tahun RM'000	3 hingga 5 tahun RM'000	> 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Sekuriti Kerajaan					
Malaysia	8,062	4,526	-	20,222	32,809
Bon Terjamin					
Kerajaan Malaysia	50,000	-	-	18,694	68,694
Terbitan Pelaburan					
Kerajaan Malaysia	-	-	26,491	-	26,491
Bon tidak disebut harga/pinjaman					
badan-badan korporat -					
- Di Malaysia	50,355	77,249	90,745	188,960	407,309
Sijil Deposit Boleh					
Niaga	20,956	-	-	-	20,956
Deposit berstruktur	100,000	-	-	-	100,000
Deposit tetap dan					
deposit panggilan	184,105	-	43,000	-	227,105
2006					
Sekuriti Kerajaan					
Malaysia	11,019	9,506	3,082	20,221	43,828
Terbitan Pelaburan					
Kerajaan Malaysia	-	-	-	22,322	22,322
Bon tidak disebut harga/pinjaman					
badan-badan korporat					
- Di Malaysia	96,244	124,243	65,591	138,145	424,223
Sijil Deposit Boleh					
Niaga	26,013	-	-	-	26,013
Deposit tetap dan					
deposit panggilan	289,290	-	20,956	-	310,246

8. PELABURAN (SAMB.)**(a) DANA INSURANS AM DAN PEMEGANG SAHAM (samb.)**

(ii) Kadar purata wajaran pulangan pelaburan pada tarikh lembaran imbangan adalah seperti berikut:

	2007	2006
	%	%
	setahun	setahun
Sekuriti Kerajaan Malaysia	3.82	5.24
Bon Terjamin Kerajaan Malaysia	4.14	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	4.20	4.27
Bon tidak disebutbarga/pinjaman badan-badan korporat		
- Di Malaysia	3.90	4.70
Sijil Deposit Boleh Niaga	4.79	5.75
Deposit berstruktur	5.48	-
Deposit tetap dan deposit panggilan	3.70	3.39

(b)(i) DANA INSURANS HAYAT: BUKAN PELABURAN BERKAITAN

	2007		2006	
	Nilai	Nilai	Nilai	Nilai
	dibawa	Pasaran/ Petunjuk	dibawa	Pasaran/ Petunjuk
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Sekuriti Kerajaan Malaysia - pada kos	302,030		312,105	
Pelunasan premium - bersih	(6,964)		(6,353)	
	<u>295,066</u>	<u>324,278</u>	<u>305,752</u>	<u>310,654</u>
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia - pada kos	19,524		29,185	
Diskaun terkumpul bersih	9,814		81	
	<u>29,338</u>	<u>31,740</u>	<u>29,266</u>	<u>28,930</u>
Kertas Cagamas - pada kos	158,113		142,776	
Pertambahan diskaun - bersih	12		25	
	<u>158,125</u>	<u>167,268</u>	<u>142,801</u>	<u>139,550</u>

8. PELABURAN (SAMB.)**(b)(i) DANA INSURANS HAYAT: BUKAN PELABURAN BERKAITAN (samb.)**

	2007		2006	
	Nilai dibawa RM'000	Nilai Pasaran/ Petunjuk RM'000	Nilai dibawa RM'000	Nilai Pasaran/ Petunjuk RM'000
Disebutharga di Malaysia:				
Sekuriti ekuiti badan-badan Korporat – pada kos	313,717		472,782	
Peruntukan rosot nilai	(264)		(23,354)	
	<u>313,453</u>	438,133	<u>449,428</u>	465,794
Unit amanah – pada kos	27,760		17,556	
